

NO. SOALAN: 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUBANG)**

TARIKH : 07 OGOS 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Pelan Transformasi Teksi yang disediakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak ada cadangan untuk memansuhkan permit kepada syarikat dan mencadangkan sistem permit hanya kepada pemilik pemandu (*owner driver*) sahaja supaya pemandu-pemandu teksi boleh bersaing secara saksama dengan pemandu Grabcar dan Uber.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak penubuhannya pada tahun 2010 sehinggalah tahun 2016, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak mengeluarkan permit teksi yang baru kepada individu mahupun syarikat.
2. Bagi membantu pemandu teksi untuk keluar dari sistem pajak sedia ada, SPAD melalui pelaksanaan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) akan mengeluarkan permit teksi individu yang baru kepada pemandu teksi yang telah tamat tempoh perjanjian pajakan dengan syarikat.
3. Selain itu, pemandu yang layak juga akan diberikan geran sebanyak RM5,000 sebagai pembayaran pendahuluan atau *downpayment* untuk pembelian teksi baru.
4. Pemberian permit teksi individu yang baru ini bukan hanya terhad kepada tahun ini sahaja, malah akan terus dilaksanakan secara berperingkat bagi memberi peluang kepada mereka yang masih belum tamat tempoh pajakan dalam masa terdekat ini. Sehingga kini, seramai 600 orang pemandu teksi telah menerima permit individu di bawah inisiatif TITP ini.
5. Mengenai keperluan kewujudan permit teksi syarikat, ingin dimaklumkan bahawa syarikat yang memiliki permit teksi turut telah menyumbang dan memainkan peranan yang tersendiri dalam industri ini.

6. Sebagai contoh, terdapat sebilangan pemegang permit individu yang tidak mampu untuk mendapatkan kemudahan pinjaman kenderaan melalui institusi kewangan. Ini boleh disebabkan oleh pelbagai faktor seperti usia, rekod kewangan yang tidak memenuhi kehendak institusi kewangan dan sebagainya. Syarikat-syarikat teksi bersedia untuk memberikan kemudahan sewa beli kenderaan yang kita kenali sebagai "sistem pajak".

7. Di akhir kontrak perjanjian dalam sistem pajak ini, kenderaan tersebut akan menjadi milik pemandu. Ini bermakna, perjanjian dalam sistem pajak ini adalah sama konsepnya seperti perjanjian *hire purchase* kenderaan yang digunakan oleh institusi kewangan.

8. Namun, dalam perjanjian sistem pajak ini, kita dapati bahawa terma-terma yang digunapakai dalam industri pada masa ini adalah berat sebelah dan tidak menjaga kebajikan pemandu. Oleh sebab itulah, antara cadangan pindaan dalam Rang Undang-Undang yang telah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini adalah untuk membolehkan SPAD memastikan terma-terma kontrak ini memenuhi standard piawaian minimum yang ditetapkan bagi memberi keadilan kepada kedua-dua pihak iaitu pemandu dan syarikat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (100)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 7 OGOS 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

SOALAN :-

YB Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan cara penyelesaian mengatasi masalah kekurangan penempatan perumahan bagi anggota bomba dan penyelamat Petaling Jaya Seksyen 52 dan Jalan Penchala Seksyen 51 di kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota bomba di Balai Bomba Petaling Jaya Seksyen 52 dan Balai Bomba Jalan Penchala Seksyen 51 sebelum ini mendiami 23 unit kuarters di Balai Bomba Jalan Penchala, Seksyen 51. Walau bagaimanapun kuarters dan Balai Bomba Jalan Penchala telah dirobohkan keseluruhannya pada tahun 2015 bagi projek menaiktaraf balai, membina pejabat zon yang baharu dan unit rumah kediaman (kuarters).

Projek Pangsapuri Kos Sederhana Untuk Kuarters Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Diatas Lot 53681 Jalan Tenteram Cheras Kuala Lumpur ini yang mempunyai 226 unit rumah kediaman adalah bertujuan untuk mengatasi masalah perumahan bagi anggota bomba di kawasan terlibat. Jarak kuarters adalah lebih kurang 15.5 km dari kedua-dua balai bomba tersebut. Buat masa ini, anggota bomba terlibat menyewa / menghuni kediaman di tempat lain dan akan ditempatkan semula

di Kuarters Bomba Berkelompok di Cheras setelah projek ini selesai dibangunkan. Sehingga kini kemajuan pembinaan projek telah mencapai 88.41% siap dan dijangka akan selesai sepenuhnya pada 12 November 2017.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017